

Tiga lelaki lupus harta curi didenda RM3,000

MIRI: Tiga lelaki masing-masing didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret Miri, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melupuskan harta curi.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Ashok Linggam selepas meneliti beberapa aspek termasuk pengakuan bersalah ketiga-tiga tertuduh, fakta kes, rayuan mereka, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, Muhammad Asyraf Ezrulanie Selamat, 35, dari Taman Desa Senadin Fasa II; Mohamed Fikri Marzuki, 35, dari Kampung Tudan Fasa 2 dan Muhammad Fatihah Ramblee, 24, dari Kampung Haji Wahed di sini didakwa mengikut Seksyen 414 Kanun Keseksaan

dan dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Mengikut fakta kes, ketiga-tiga tertuduh didapati dengan sengaja telah melupuskan harta curi iaitu lapan gelen minyak masak terpakai.

Ketiga-tiga tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu secara bersama pada jam 10 pagi, 28 Februari lalu di sebuah kilang kitar semula minyak di Timur Kembangan Emart Industri, Tudan di sini.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala ketiga-tiga tertuduh tidak diwakili peguam bela.